

APA PERLU DIBUAT?

Jika Berlaku Sesuatu



Utamakan
Keselamatan Diri



Hubungi Talian
Kecemasan



Simpan bukti
jika perlu



Beritahu
seseorang yang
boleh dipercayai



**Malaysia Crime Prevention Foundation
(Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia)**

B-3A-13, Blok B Aras 4 Unit 13,
Megan Avenue II,
Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +603-2181 0055 / 0555
E-mel: support@mcpf.org.my

Hubungi Talian Kecemasan:

999 / 112

Nombor Kecemasan
(Polis/Ambulans/
Bomba)

Pejabat Sekolah

Rujuk Pejabat Sekolah
masing-masing

03-88849352

014-8009325

Talian Khas Aduan
Buli

15999

019-2615999

Talian Kasih / Nur
(KPWKM)



SEKOLAH SELAMAT

"Jaga Diri, Jaga Kawan, Jaga Sekolah Kita!"

'Hidup Bebas Jenayah'

Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF)

PENGENALAN

Sekolah ialah tempat kita belajar, berkawan dan membina masa depan. Bila semua murid tahu cara menjaga keselamatan diri, rakan dan persekitaran - barulah sekolah jadi tempat yang seronok dan selamat untuk semua!

SENTIASA BERHATI-HATI

Di Dalam Kawasan Sekolah

- Ikut peraturan sekolah dan dengar arahan guru.
- Jangan berlari di koridor atau tangga.
- Jangan sentuh alat elektrik, suis atau paip air.
- Jaga barang sendiri, jangan biar beg atau wang tunai tanpa pengawasan.
- Jika nampak sesuatu mencurigakan, maklumkan segera kepada guru disiplin atau pengawas.



Di Luar Kawasan Sekolah

- Berjalan di kaki lima atau guna lintasan zebra untuk melintas.
- Jangan naik kenderaan individu tidak dikenali.
- Pakai topi keledar ketika berbasikal atau bermotosikal.
- Elak bercakap dengan orang tidak dikenali atau menerima hadiah/pelawaan daripada mereka.
- Terus balik ke rumah selepas habis sesi persekolahan - jangan melepak di tempat sunyi.



Keselamatan Harta Benda

- Jangan bawa barang berharga ke sekolah kecuali diperlukan.
- Simpan jam tangan atau dompet di tempat yang disediakan.
- Jika kehilangan barang, laporkan segera kepada guru bertugas/guru kelas atau pejabat sekolah.



Sekolah Bebas Dadah

- Katakan tidak kepada dadah, rokok, vape dan bahan terlarang.
- Jangan cuba atau ikut ajakan rakan yang membawa bahan pelik atau mencurigakan.
- Laporkan segera kepada guru atau kaunselor jika ada murid terlibat dengan salah laku.



LINDUNGI DIRI
DAN RAKAN-
RAKAN

Sekolah Bebas Buli & Salah Laku Seksual

- Buli bukan budaya - ia menjejaskan mental dan boleh mencederakan orang lain.
- Jangan ejek rupa, pakaian, cara bercakap atau latar belakang rakan.
- Jika nampak rakan dibuli, laporkan kepada guru.
- Hormati rakan dan guru, elak sentuhan atau kata-kata kurang sopan.
- Jika berasa tidak selesa, segera beritahu guru, kaunselor atau ibu bapa.



Keselamatan Siber

- Jangan kongsi maklumat peribadi seperti alamat, nombor telefon atau gambar tanpa izin.
- Berhati-hati apabila berkawan dalam talian.
- Jika menerima mesej pelik, ancaman atau gangguan; tunjukkan kepada ibu bapa atau guru.
- Guna kata laluan yang kuat dan jangan beri pada orang lain.

